

01 FEB 2003

Ghani-Singapura

HARGA AIR TIADA KAITAN DENGAN KEDAULATAN SINGAPURA

JOHOR BAHRU, 1 Feb (Bernama) -- Harga air mentah yang dibekalkan dari Johor ke Singapura tiada sebarang kaitan dengan kedaulatan atau prinsip pemisahan republik itu dari Malaysia, kata Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Katanya, Singapura perlu realistik dengan tidak mengaitkan isu harga air mentah yang menjadi pertikaian antara kedua-dua negara dengan perjanjian pemisahan Singapura dari Malaysia atau dengan kemerdekaan negaranya.

"Kita tidak pernah menetapkan harga air secara rambang dan kemudiannya memaksa Singapura menerimanya bagi menjejaskan kedaulatannya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghua Johor Baharu di sini, hari ini.

Katanya, adalah salah bagi pemimpin negara itu cuba mengelirukan fakta dengan mengaitkan harga air mentah, yang kini dibekalkan dengan harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan diminta supaya dikaji semula oleh Malaysia, dengan kemerdekaan republik itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Luar Singapura Prof S. Jayakumar di Parlimen republik itu baru-baru ini, kononnya jika Malaysia menaikkan harga air mentah yang dibekalkan ia akan menjejaskan kedaulatan Singapura.

"Jika Singapura realistik menghadapi perkara ini dengan menetapkan harga yang munasabah, ia dengan mudah akan menjurus kepada penyelesaian," kata Menteri Besar.

Abdul Ghani berkata adalah wajar bagi harga itu dinaikkan ke paras yang lebih munasabah seperti yang ditekankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa kali sebelum ini, lantaran tiada suatu apa pun yang berharga tiga sen pada 1927 boleh dibeli dengan harga yang sama sekarang.

Mengenai hubungan yang sedia terjalin antara rakyat di kedua-dua belah Tambak Johor, beliau berkata ia tidak terjejas apabila rakyat Singapura terus memasuki Johor untuk pelbagai tujuan termasuk pada musim perayaan Tahun Baru Cina ini dan rakyat Johor juga menerima mereka seperti biasa.

Ketika diminta mengulas mengenai calon bukan anak tempatan di sesuatu kawasan pilihan raya di negeri ini, Abdul Ghani yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor, berkata BN Johor bersikap terbuka dalam hal itu.

Sambil menegaskan calon bukan anak tempatan bukan perkara baru di negeri ini, beliau berkata ada beberapa anggota Parlimen di Johor dari Umno dan juga MCA bukan dari kalangan anak tempatan negeri ini.

"Walaupun calon tempatan lebih mudah diterima oleh pengundi tetapi calon dari luar Johor juga tidaklah terus ditolak begitu saja," katanya, yang menambah bahawa bagaimanapun calon bagi kerusi Dewan Undangan Negeri mestilah beralamat di tempat calon itu mengundi.

-- BERNAMA

MNY MNY RHM